

13 SEP 1996

## BANK NEGARA MUNGKIN PAKSA BANK-BANK BERGABUNG

Oleh: Michael Raj

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Bank Negara, yang mendapati bahawa bank-bank dan institusi-institusi kewangan tidak begitu menyambut seruan supaya bergabung menjadi badan-badan yang lebih besar, mungkin perlu melaksanakan langkah-langkah yang lebih tegas untuk memastikan cadangan itu terlaksana.

Para penganalisis industri perbankan berkata memandangkan desakan secara lembut tidak membuahkan hasil yang dikehendaki, bank pusat mungkin terpaksa tidak lagi memberikan kelulusan, terutamanya bagi bank-bank kecil dan sederhana, untuk mengembangkan rangkaian cawangan mereka.

Mereka mungkin juga tidak dibenarkan memasang mesin-mesin teler automatik (ATM), yang seolah-olah cawangan di luar bank, dalam langkah yang direka untuk membantu menghadapi serangan persaingan luar di dalam jangka panjang.

Langkah utama yang diambil oleh bank pusat untuk mengujudkan bank-bank yang lebih besar, lebih kukuh, lebih cekap dan bermodal besar adalah memperkenalkan sistem perbankan dua tahap di mana hanya bank-bank yang memenuhi kriteria tertentu akan menjadi bank Peringkat 1 dan mereka akan diberikan ruang yang lebih luas terhadap peluang-peluang perniagaan.

Para penganalisis berkata keadaan di mana Bank Negara mungkin mahu melihat ialah untuk mengadakan kira-kira enam bank Peringkat 1 dan setengah dozen lagi di bawah Peringkat 2, dengan keperluan modal bagi Peringkat 1 berkemungkinan dinaikkan kepada RM1 bilion menjelang tahun 1998 daripada RM500 juta sekarang.

Ini akan menghasilkan kemunculan sektor perbankan tempatan yang lebih kukuh, dilengkapi dengan segala kemudahan dan diperkukuhkan untuk menghadapi persaingan global yang meningkat.

Setakat ini satu penggabungan telah berlaku apabila Bank Simpanan Nasional mengambil alih Bank Buruh untuk membentuk BSN Commercial Bank tahun lalu.

Satu lagi cadangan penggabungan yang diumumkan setakat ini dilaksanakan oleh OCBC berpangkalan di Singapura, yang akan menggabungkan operasinya di Malaysia dengan The Pacific Bank.

Para penganalisis mendedahkan bahawa "sikap sambil lewa" terhadap penggabungan adalah disebabkan para pemilik bank kecil meminta harga yang terlalu tinggi.

Tanda harga yang terlalu tinggi kerap disebut sebagai batu penghalang utama terhadap penggabungan kerana ia tidak berdaya maju ke atas pulangan pelaburan.

Dalam keadaan yang ada sekarang, bank-bank Malaysia jauh daripada berkemampuan untuk bersaing secara global kerana hanya sebuah bank, Malayan Banking Bhd, terserlah di kalangan 100 bank utama di dunia manakala terdapat hanya empat di kalangan 500 bank utama di Asia.

Para penganalisis berkata keadaan yang menyedihkan itu perlu berubah, dan penawar yang paling mujarab adalah melalui penggabungan, di mana mereka akan berkedudukan lebih baik untuk bersaing di arena antarabangsa, terutamanya memandangkan komitmen Malaysia untuk melonggarkan lagi sektor perkhidmatan kewangannya di bawah Perjanjian Am mengenai Perdagangan di dalam Perkhidmatan (GATS).

Sekatan ke atas pengembangan cawangan mungkin menjejaskan rancangan pembangunan bank-bank yang lebih kecil, tetapi mereka harus melihat rasional bank pusat bagi penggabungan, yang akan membolehkan pengujudan

institusi-institusi yang lebih besar dan kukuh.

Senario di mana bank-bank asing akan bersaing dengan bank-bank tempatan untuk pasaran daripada semua segi tidak begitu jauh, tetapi jika institusi-institusi tempatan meneruskan cara lama mereka, mereka tidak akan berpeluang untuk bersaing.

Dengan 26 bank perdagangan Malaysia, hakikatnya adalah bahawa Malaysia adalah "berlebihan bank" dan tanpa pembesaran yang kritikal, adalah sukar untuk mereka berkembang dan bersaing di bidang antarabangsa, tegas para penganalisis itu.

Kegagalan kebanyakan bank Malaysia melaksanakan analisis risiko yang betul kerap kali menghalang mereka daripada mengambil risiko yang mereka cukup mampu mengambilnya dan akibatnya mereka tercirir dalam persaingan dengan bank asing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini dengan terus terang berkata bahawa kebanyakan bank Malaysia takut dan hanya berjalan mengikut kepastian dan mereka serupa dengan peminjam wang atau ceti.

Melalui penggabungan, katanya mereka juga boleh mengambil risiko lebih besar dan dengan itu, menyambut cadangan Perdana Menteri supaya bank-bank tempatan mengambil lebih banyak risiko di dalam negeri dan juga di luar negeri.

Para penganalisis berkata bank-bank tempatan tidak ada masa lagi dan mereka perlu bergabung bagi kebaikan mereka sendiri, terutamanya apabila Malaysia tidak dapat dielakkan membuka pintunya kepada dunia yang penuh dengan persaingan sengit di arena antarabangsa di mana hanya yang paling kuat akan terus hidup. -- BERNAMA

MR OS/sia